

## **Lakuan Tutar Menolak Generasi Muda Minangkabau: Cermin Budaya Popular Dalam Interaksi Sosial**

*Hetti Waluati Triana*  
[waluati@yahoo.com](mailto:waluati@yahoo.com)  
*Institut Agama Islam*  
*Negeri Imam Bonjol*  
*Indonesia*

*Idris Aman*  
[idrisa@ukm.my](mailto:idrisa@ukm.my)  
*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik*  
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **Abstrak**

Lakuan tutur menolak sememangnya sarat dengan nilai-nilai budaya. Lakuan ini tidak hanya terdiri daripada bunyi-bunyi yang teratur dan bermakna, bahkan juga melibatkan nilai sosiobudaya yang mengatur perilaku sosial. Kedua-dua perkara ini wujud bersama dalam lakuan tutur menolak generasi muda Minangkabau moden. Oleh itu, analisis terhadap tuturan menolak dalam kalangan etnik Minangkabau moden pun boleh menunjukkan trend generasi muda kini. Dalam era globalisasi, trend tersebut dikenal sebagai budaya popular. Kajian ini menggunakan paradigma sosiopragmatik. Data dikumpulkan mengikut kaedah etnografi, iaitu pemerhatian, temu bual, dan etnopragsmatik. Data yang dianalisis secara kualitatif dilengkapi dengan analisis kuantitatif. Dapatan menunjukkan bahawa leksikon, kod, dan strategi menolak yang digunakan oleh generasi muda Minangkabau sangat bervariasi dan kebervariasiaan itu berhubung rapat dengan konteks sosiobudaya Minangkabau. Dapatan ini mengisyaratkan bahawa lakuan tutur menolak bukan hanya merupakan lakuan linguistik, bahkan juga merupakan lakuan sosial yang boleh mencerminkan lakuan kolektif generasi berkenaan. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa dalam interaksi sosial generasi muda Minangkabau moden, terdapat perbezaan kecenderungan lakuan tutur menolak antara lelaki dengan perempuan. Perbezaan itu boleh tampak pada leksikon, kod, dan strategi yang dipilih dalam lakuan tutur menolak.

**Katakunci:** lakuan tutur menolak, sosiopragmatik, etnografi, Minangkabau, budaya popular.

## **Speech Act Of Refusal Among Minangkabau Young Generation: A Reflection Of Popular Culture In Social Interaction**

### **Abstract**

The speech acts of refusals are closely linked to social-cultural values. It consists of regulated meaningful sounds and social-cultural values that control social acts. Both exist in the speech acts of refusals among modern Minangkabau's youngsters. Thus, the analysis of the speech acts of refusals among modern Minangkabau ethnic may possibly illustrate the trend of these contemporary youngsters. In the globalization era, it is acknowledged as a popular culture. This research applied a socio-pragmatics paradigm. Data were collected by means of ethnographic approach, observations, interviews and ethno-pragmatic. They were analysed both qualitatively and quantitatively. The findings demonstrated that there were a range of lexicons, codes and strategies of speech acts of refusal utilized by Minangkabau's youngsters and these variations were very much related to Minangkabau's socio-cultural. The findings signified that the speech acts of refusal were not only linguistic acts, but also social acts which reflected the collective acts of this group. In addition, the findings also revealed that there were different trends between male and female in social interaction of modern Minangkabau's youngsters. These differences were in the forms of lexicons, codes and selected strategies in the speech acts of refusals.

**Keywords:** speech acts of refusal, socio-pragmatics, ethnographic, Minangkabau, popular culture.

### **Pendahuluan**

Pada pertengahan abad ke-20, ahli bahasa mulai sadar bahawa pengkajian bahasa tanpa mengaitkannya dengan masyarakat akan mengetepikan beberapa aspek penting dan menarik, serta boleh menyempitkan pandangan terhadap kajian disiplin linguistik itu sendiri (Nik Safiah Karim, 1992, hlm.5). Idris Aman dan Rosniah Mustaffa (2009) misalnya, telah menemui hubungan yang menarik antara satu aspek kebahasaan, iaitu aksen dengan soal identiti dan integrasi nasional apabila meneliti pertuturan masyarakat bahasa Melayu di Kuching, Sarawak, Malaysia yang secara geografinya terpisah daripada pusat pemerintahan di Tanah Melayu. Dalam situasi formal, didapati penutur di Kuching mampu berakomodasi kepada aksen standard nasional Malaysia, dan hal ini membayangkan kepekaan mereka kepada identiti dan integrasi kebangsaan.

Namun begitu, kajian-kajian linguistik yang telah dilakukan kebanyakan masih bermatlamat untuk menghuraikan bahasa sebagai fenomena linguistik dan sebagai satu sistem komunikasi atau teoretikal semata-mata sehingga analisisnya sering berkisar pada penghuraian soal dalaman bahasa dan jarang cuba dilanjutkan kepada menafsir dan menjelaskan soal proses sosial yang diperlihatkan oleh fitur linguistik yang berkenaan (Idris Aman, 2001; 2006). Sebelumnya, sebagaimana dikemukakan oleh Anwar (1995,

hlm.217), Alisjahbana juga pernah mengulas kecenderungan kajian bahasa yang wujud pada masa itu yang semakin lama makin menjauh daripada kajian budaya dan masyarakat. Alisjahbana menyebut fenomenon kajian itu sebagai bentuk kegagalan linguistik moden dalam menghadapi masalah bahasa pada abad ke-20.

Fenomenon yang demikian juga ditemui pada kebanyakan kajian pragmatik pertuturan Melayu, seperti Nor Hashimah Jalaluddin (1994), Manaf (2005), Rahardi (2005), Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006), dan Wardhana (2007). Bahkan, kajian yang menggunakan paradigma sosiopragmatik sebagai asas analisis pun masih menumpukan kajian pada penghuraian aspek linguistik dan menempatkan aspek sosiobudaya sebagai pelengkap kajian, seperti yang dilakukan oleh Triana (2001), Zamzami (2007), dan Revita (2007). Kajian berkenaan masih terhad kepada pemerincian tuturan sebagai alat yang dibekalkan oleh suatu bahasa tertentu untuk menyampaikan ilokusi tertentu dalam kumpulan atau masyarakat penutur tertentu dan belum memperlihatkan perlunya kajian yang menempatkan aspek bahasa dan aspek sosial dalam konteks yang seimbang. Perkara ini juga telah menjadi kekhawatiran Leech (1983, hlm.10-11), sebagaimana tersirat daripada pernyataannya bahawa “.... *sociopragmatic is the sociological interface of pragmatics. Much of the work which has taken place in conversational analysis has been limited in this sense, and has been closely bound to local conversational data.*” Oleh itu, diperlukan kajian pragmatik pertuturan Melayu yang menempatkan pertuturan sebagai fenomenon sosiobudaya dalam konteks masyarakat yang dinamik, dan dalam kajian ini dinamakan sebagai kajian pertuturan Melayu mutakhir.

Salah satu etnik Melayu yang bersifat dinamik dan masih menggunakan bahasa Melayu dalam interaksi sosial adalah etnik Minangkabau. Sifat dinamik etnik ini tersirat melalui falsafah “*Alam takambang menjadi guru*”, yang bererti bahawa seluruh kehidupan sosial etnik Minangkabau berpandukan kepada sifat-sifat alam. Alam bukanlah sesuatu yang kekal, melainkan selalu berubah sesuai dengan dengan perubahan manusia yang berada di dalamnya. Falsafah ini diperkuat oleh pepatah “*sakali aia gadang, sakali tapian barubah*” (sekali air besar, sekali tepian berubah) yang menunjukkan bahawa etnik Minangkabau menganut perubahan jauh sebelum era global (Sjafnir 2006, hlm.23-24). Bahasa Melayu yang digunakan oleh etnik Minangkabau dikenal dengan bahasa Minangkabau dan dapat dianggap sebagai salah satu bentuk dialek daripada Melayu (Kasih 2004, hlm.13).

Realiti bertutur menunjukkan bahawa jenis lakuan tutur yang sarat dengan norma-norma sosiobudaya ialah lakuan tutur menolak kerana pada asasnya lakuan tutur ini boleh mengancam muka si lawan tutur (Aziz, 2006). Perbincangan tentang lakuan tutur menolak etnik Minangkabau sangat luas, mencakupi pelbagai aspek linguistik, sosial, dan budaya. Namun, mengingat dinamika sosial dan transformasi budaya lebih tampak pada lakuan tutur generasi muda, maka perbincangan pada kertas kerja ini akan difokuskan kepada lakuan tutur menolak generasi muda Minangkabau yang boleh menunjukkan trend berbahasa dan boleh diiktiraf sebagai salah satu bukti wujudnya budaya popular. Perbincangan dibahagikan kepada konsep lakuan tutur menolak dan budaya popular, kaedah penyelidikan, dan trend generasi muda Minangkabau moden.

## Konsep Lakuan Menolak dan Budaya Popular

Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1994, hlm.1065), dijelaskan bahawa ‘menolak’ merupakan kata kerja yang bererti sebagai lakuan tidak menerima, tidak memberi, tidak meluluskan, tidak mengabulkan atau pun menampik pemberian, penghargaan atau pujian, undangan, tawaran, ajakan, usulan atau saran, larangan, ataupun perintah. Mengikut pengertian ini, maka lakuan tutur menolak pada kajian ini dimaknai sebagai tuturan yang dihasilkan oleh tindak ilokusi yang pada hakikatnya bermaksud untuk tidak menerima ataupun tidak mengabulkan permintaan, undangan, saranan, perintah, larangan, ataupun tawaran. Dengan kata lain, lakuan tutur menolak mengacu kepada lakuan penutur untuk mengatakan ‘tidak’, baik langsung mahupun tidak langsung sebagai hasil daripada lakuan verbal yang difahami melalui kuasa ilokusi berdasarkan konvens masyarakat tuturnya (Yule 1996).

Kajian terhadap lakuan tutur menolak menjadi lebih menarik jika dianalisis dalam konteks sosiobudaya terkini, iaitu kehidupan global yang diwarnai oleh budaya dominan dan budaya masyarakat kapitalis. Anderson dan Taylor (2005) menggunakan istilah *popular culture* dan Bennett (2005) menggunakan istilah *mass cultural* untuk menamakan konteks budaya yang demikian, sedangkan Piliang (2006) menggunakan istilah kebudayaan popular, kebudayaan anak muda, kebudayaan massa, dan kebudayaan televisyen.

Andersen dan Taylor (2005, hlm.52) menjelaskan bahawa “*popular culture includes the beliefs, practices and objects that are part of everyday traditions*”. Andersen dan Taylor (2005, hlm.52) membezakan budaya popular daripada budaya elit atau *elite culture* yang merujuk kepada budaya tinggi atau *high culture*. Budaya popular wujud daripada pengaruh media massa (Andersen & Taylor 2005, hlm.53). Budaya popular yang dihasilkan dan dimanfaatkan oleh massa mempunyai makna yang sangat besar dalam pembentukan sikap dan nilai-nilai orang ramai. Budaya ini juga memainkan peranan penting dalam pembentukan pola-pola pemanfaatan dalam masyarakat kontemporari. Pandangan Andersen dan Taylor (2005) ini disokong oleh Piliang (2006, hlm.2) yang menyatakan bahawa budaya popular ialah “sebuah budaya khusus yang berkembang bersamaan dengan berkembangnya industri, produksi massa, dan media massa”. Piliang (2006, hlm.3) menambahkan bahawa budaya popular juga berkait dengan hubungan kekuasaan atau *power relation*. Fiske (1994) menyebutkan bahawa domain kekuasaan atau *power* dalam budaya popular terletak pada kekuasaan semiotik, iaitu kekuatan dalam membina, membangun, menyebarkan, dan mengendalikan produksi tanda-tanda atau *signs* oleh elit-elit kebudayaan.

Berdasarkan pandangan di atas dapat disimpulkan bahawa di satu sisi, budaya popular tidak dapat dilepaskan daripada bahasa dan di sisi lain, bahasa itu pun ialah salah satu unsur yang wujud daripada budaya popular kerana bahasa ialah media dan juga komponen daripada kebudayaan itu sendiri. Budaya popular secara sederhana difahami sebagai budaya yang disukai oleh ramai orang. Ukuran ‘ramai’ dalam konteks ini mengacu kepada nilai kuantitatif yang bersifat relatif. Sehubungan dengan itu, budaya

populer dalam kajian ini difahami sebagai budaya yang berasal daripada massa, yang cenderung melawan sebuah kemapanan atau keluhuran nilai-nilai tradisi.

### **Kaedah Kajian**

Penyelidikan ini mengambil masa tiga bulan, iaitu Mei hingga Julai 2007 dengan jangka waktu empat hingga lima jam dalam satu hari. Pengutipan data ditumpukan kepada lakuan tutur menolak dalam kalangan etnik Minangkabau yang mencakupi pelbagai kumpulan sosial, iaitu kaki tangan kerajaan, guru, pensyarah, pelajar, pedagang, pemandu kereta (supir), pekerja (buruh), suri rumah, dan budak-budak putus sekolah. Kajian ini dilakukan di kawasan Minangkabau, Indonesia, iaitu kota Padang. Data dikutip pada situasi informal dengan fokus perbualan spontan yang berlangsung di tempat-tempat umum dalam domain persahabatan (*friendship*). Tempat dalam konteks kajian ini mencakupi tempat kerja, majlis-majlis pertemuan, pasar tradisional, hentian bas, kedai runcit, kedai makan/kafeteria, lingkungan kampus (Universitas Andalas, Universitas Negeri Padang, dan Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol), dan tempat-tempat permainan. Penamaan domain ini mengikut kepada salah satu daripada lima klasifikasi domain lakuan bahasa suatu komuniti yang dikemukakan oleh Fishman dan Greenfield, sebagaimana dikutip oleh Winford (2003, hlm.110-111) dan Romaine (2000, 44), iaitu *family*, *friendships*, *work*, *religion*, dan *education*. Pemilihan domain ini didasarkan atas pertimbangan kealamiah data (*natural setting*) kerana mengingat penggunaan amalan konvensional pada domain persahabatan tidak sangat mengikat pemeran (*participants*) bertutur dibandingkan dengan empat domain lainnya. Persahabatan mencakupi rakan kerjaya, rakan sekolah ataupun rakan organisasi, rakan sebaya, rakan sekampung atau satu kawasan tempat tinggal, dan rakan yang baru sahaja kenal dengan mengambil kira kepelbagaian tingkat hubungan atau jarak sosial.

Data dikutip dengan menggunakan MP4 sebagai alat rakam dan perlengkapan tulis sebagai alat catat. Mengikut latar dan situasi penyelidikan, penyelidik sentiasa selalu membuat catatan lapangan, yang meliputi catatan deskriptif dan catatan reflektif. Data penyelidikan ini dikutip dengan menggunakan tiga teknik pengumpulan data berdasarkan kaedah etnografi pertuturan, iaitu teknik pemerhatian dan pemerhatian ikut serta, teknik temu bual, dan teknik etnopragsmatik, sebagaimana yang dikemukakan oleh Saviile-Troike (1989, hlm.121-130). Penyelidikan ini menggunakan paradigma sosiopragsmatik (Leech, 1983) yang dikembangkan dengan pendekatan pragmatik dan etnografi pertuturan. Etnografi tuturan menolak dianalisis dengan menggunakan kerangka analisis perbualan Hymes (1972, 1974) yang lebih dikenali dengan akronim S.P.E.A.K.I.N.G., manakala kesantunan strategi menolak dianalisis dengan skala pragmatik Leech (1983) dan kemudian dibandingkan dengan strategi kesantunan Melayu (Noriati, 2005). Analisis yang bersifat kualitatif tersebut dilengkapi dengan analisis kuantitatif yang dilakukan dengan menghitung tingkat keseringan penggunaan strategi bertutur oleh generasi muda etnik Minangkabau dan dinyatakan dalam bentuk peratus (%). Berdasarkan analisis tersebut dirumuskan kecenderungan bertutur generasi muda Minangkabau sebagai wujud budaya populer.

## Kecenderungan Generasi Muda Minangkabau Moden

Dalam praktisnya, lakuan menolak dalam kalangan etnik Minangkabau sememangnya merupakan lakuan tutur yang dicipta sebagai pasangan ataupun respons terhadap permintaan, penawaran, pemberian, saran, pujian, ajakan ataupun perintah daripada salah seorang atau lebih pemeran yang terlibat dalam perbualan berkenaan. Oleh itu, bentuk tuturan yang ditolak sering dijadikan patron dalam memilih bentuk dan matlamat lakuan tutur menolak, di samping mengambil berat faktor status sosial pemeran. Dapatan menunjukkan bahawa ada tiga komponen lakuan tutur menolak yang boleh memperlihatkan kecenderungan generasi muda Minangkabau moden, iaitu pilihan kata ganti nama diri, kod, dan strategi bertutur. Ketiga-tiga komponen tersebut akan dibincangkan satu per satu.

### Kata ganti nama diri

Kata ganti nama diri (KGND) yang digunakan oleh generasi muda etnik Minangkabau dalam interaksi sosial dapat dikelompokkan kepada dua kumpulan, iaitu KGND khas dan KGND binaan. KGND khas ialah KGND yang bentuk dan fungsinya sebagai kata ganti nama. KGND khas yang digunakan oleh generasi muda etnik Minangkabau mencakupi KGND khas Minangkabau (seperti: *aden, ambo, awak, kau, ang, kito*, dan *inyo*) dan KGND khas serapan (seperti: *aku, saya, gua, I, lu*, dan *you*). KGND binaan ialah KGND yang dibina dengan menggunakan kata kekerabatan, gelar, kerjaya, jantina, sifat, ataupun gabungan (seperti: *Pak Dekan, etek, inyiak, frends, mandan*, dan *ketua*). Ayub (1993, hlm.98) menyebutnya dengan KGND yang berkaitan dengan nama dan KGND yang didasarkan kepada acuan.

Dapatan menunjukkan bahawa generasi muda Minangkabau moden mempunyai kecenderungan menggunakan KGND khas untuk rakan sebaya, sama ada KGND dalam bahasa Minangkabau ataupun serapan daripada bahasa lain. Pemilihan ini lebih dimaksudkan sebagai upaya memberikan mesej yang berkesan dan mengakrabkan hubungan antara rakan. Bagi generasi muda Minangkabau, KGND binaan lebih cenderung digunakan kepada lawan tutur yang berusia lebih tua.

Dapatan juga menunjukkan bahawa kecenderungan penggunaan KGND antara generasi muda Minangkabau dapat dibezakan berdasarkan jantina, iaitu perempuan lebih cenderung menggunakan unsur serapan dibandingkan lelaki, terutama KGND *gua* (*gue*), *lu*, dan *you*. Kecenderungan ini dapat disemak melalui data lakuan tutur menolak perempuan generasi muda berikut (KGND yang digunakan ditulis tebal).

1. PT38(102) : **Lu** kecek, banyak pitih **gua**. (kamu cakap, banyah uwang saya).
2. PT49(137) : Alah...alah! mangecek jo **you** lai.(Sudah...sudah bercakap juga kamu lagi)
3. PT73(188) : Maunya sih iya, tapi Pr **gua** masih banyak.
4. PT84(208) : Ah... maleh **gue** ma. Bisuak sampainyo. Bintang se lah. (Ah... malas saya. Besok sampainya. Bintang sahajalah)

Selain itu, perempuan generasi muda juga kerap menggunakan KGND yang bersifat maskulin dalam menolak rakan perempuan, seperti *aden* untuk kategori I dan *ang* untuk kategori kedua yang merujuk kepada perempuan. Kecenderungan perempuan generasi muda ini dapat disemak dalam data lakuan tutur berikut ( KGND dalam tuturan menolak berikut ditebalkan).

1. PT8(21) : Ah, **awak** ndak ka mambali do ma, kana lo pai ka situ. (Ah, saya tidak akan membeli , untuk apa pula pergike sana)
2. PT8 (22) : Vokalisnyo biaso-biaso senyo. Maleh **den** ma! (Penyanyinya, biasa-biasa sahaja. Malas saya)
3. PT26(73) : Onde... mati **denai**. Bisuak-bisuaklah. Kalau untuang ndak ado tugas baru. Kalau apo **aden** call yo. ( aduh... mati saya. Besok-besoklah. Kalau tidak ada tugas baru. Kalau apa saya telepon ya)
4. PT39(109) : Manga **aden** lo ka lo **ang** agakan. Aden taragak iko kamanganyo? (Mengapa saya pula kamu atur. Saya mahukan ini mengapa)

Untuk boleh mengetahui penggunaan KGND oleh generasi muda Minangkabau dapat dilihat daripada Jadual 1.

Jadual 1: KGND dalam domain persahabatan etnik Minangkabau

NO	KGND	Kategori KGND			Umur				Variasi	Jarak Sosial		
		I	II	III	T	M	L	P		TA	KA	A
1.	Aden	V			v	V	V	V	Denai, den	v	v	V
2.	Aku	V			v	V	V	V	Ku, agu, gu			V
3.	Ambo	V			v			V	Mbo	v	v	V
4.	Awak	V		V	v	V	V	V	Wak , awaktu	v	v	V
5.	Urang	V		V	v	V	V	V	Rang, urang tu			V
6.	Saya	v			v	V	V	V				v
7.	*Ana	v				v		V				v
8.	*Gua	V				V		V	*Gue		v	V
9.	*I	V				V		V			v	V
10.	Kami/kito	v		V	v	V	V	V		v	v	V
11.	Ang		v		v	V	V	V			v	V
12.	Kau		v		v	V	V	V	Kamu		v	V
13.	*anti		v			V		V				V
14.	*Lu		v			V		V			v	V
15.	*You		v			V		V			v	V
16.	Inyo			V	v			V				V

Kunci Jadual 1:

Tanda *	: KGND serapan
Tanda v	: digunakan untuk atau digunakan oleh
Umur	: T – tua; M - muda
Jarak Sosial	: TA – tidak akrab; KA – kurang akrab; A - akrab

**Kod**

Kod merupakan sistem lambang bunyi yang dihasilkan oleh alat ucap manusia, yang lebih dikenal dengan bahasa. Bentuk perwujudan daripada penggunaan kod itulah yang dimaksudkan dalam kajian ini sebagai tuturan, sedangkan kewujudan daripada penggunaan pelbagai kod disebut dengan variasi tutur. Dengan kata lain, variasi tutur wujud atas dasar penggunaan pelbagai kod dalam lakuan tutur menolak generasi muda Minangkabau.

Seperti bahasa lain, selain dialek Minangkabau umum sebagai dialek standard, bahasa Minangkabau (BMg) juga mempunyai variasi tutur yang lain, iaitu berupa dialek daripada pelbagai kawasan di alam Minangkabau. Realiti yang demikian adalah sesuatu yang biasa dalam suatu masyarakat tutur sebagaimana yang dikemukakan oleh Wardhaugh (1986, hlm.86), bahawa suatu bahasa mempunyai pelbagai kod yang merupakan variasi daripada bentuk bahasa itu sendiri.

Selain bahasa Minangkabau dan dialeknnya sebagai bentuk variasi tutur, dapatan juga menunjukkan bahawa generasi muda Minangkabau menggunakan bahasa lain dalam lakuan tutur menolak, seperti bahasa Indonesia, dialek Betawi dan bahasa Inggeris. Bahasa-bahasa tersebut digunakan etnik Minangkabau dalam bentuk campur kod dan alih kod. Dalam kajian ini, campur kod (*code mixing*) dimaksudkan sebagai penggunaan dua bahasa atau lebih bahasa dalam tuturan yang sama daripada sistem atau subsistem tata bahasa yang berbeza (Gumperz, 1982, hlm.59). Percampuran kod juga dikatakan sebagai penggunaan bahasa pada peringkat kata, klausa, dan ayat (Valdes, 1981, hlm.95), sedang alih kod dimaksudkan sebagai penggunaan dua atau lebih kod secara bergantian dalam episod perbualan, sebagaimana sebuah peristiwa tutur (Auer, 1998, hlm.1). Dapatan juga menunjukkan bahawa campur kod dan alih kod merupakan suatu fenomena yang lazim dalam kalangan etnik Minangkabau moden, sebagaimana dapat dilihat daripada lakuan tutur menolak berikut.

1. PT4(11) : Wah, kegedean tuh. Muka gua lagi jerawat. Tak OK lah. (Wah, kebesaran. Muka saya lagi berjerawat. Tidak cantik lah).
2. PT37(98) : Nan ma yo? Ndak ado tambahan materi pun, latihan doang. (Yang mana ya? Tidak ada tambahan materi pun. Latihan sahaja)
3. PT71(183) : E... hei... yo, lah *deadline* baru basuruah. Karajo bagageh tu den ndak bisa. (E... hei... ya, sudah habis masa baru disuruh. Kerja bergegas itu saya tidak boleh)
4. PT103(246): Ntar, Bapaknya marah. Besok bukannya renang? (Nanti, bapaknya marah. Besok bukannya renang)



5. PT104(248) : Lho, gua bikin Prnya gimana? (Lho, saya buat Prnya bagaimana)
6. PT105(251): Tak ingat apa? Barusan Bapak Kepala Sekolah beri tahu sanksi untuk siswa yang melanggar aturan. (Tak ingat apa? Baru sahaja Tuan guru besar beri tahu hukuman bagi pelajar yang melanggar peraturan.)

PT4(11) *Wah, kegedean tuh. Muka gua lagi jerawat. Tak OK lah.* merupakan variasi tutur dalam bentuk alih kod kepada dialek Betawi dan juga campur kod dengan bahasa Inggeris. PT37(98) *Nan ma yo? Ndak ado tambahan materi pun, latihan doang* merupakan variasi tutur yang dilakukan dengan campur kod antara bahasa Minangkabau, bahasa Indonesia dan dialek Betawi. PT71(183) *E... hei... yo, lah deadline baru basuruah. Karajo bagageh tu den ndak bisa* merupakan campur kod antara bahasa Minangkabau dengan bahasa Inggeris.

PT103, PT104, dan PT106 merupakan peristiwa tutur yang sememangnya melibatkan kod bahasa Indonesia dan dialek Betawi. PT103 berlangsung antarsesama rakan lelaki, PT104 berlangsung antara rakan lelaki dengan perempuan, dan PT105 berlangsung antara semasama rakan perempuan. Sehubungan dengan itu, PT103(246), PT104(248), dan PT105(251) merupakan contoh wujud alih kod generasi muda Minangkabau dalam lakuan tutur menolak.

### Strategi

Lakuan tutur menolak dicipta sebagai pasangan kepada lakuan tutur sebelumnya yang menempati posisi sebagai reaksi ataupun respons dalam suatu peristiwa tutur. Bagi ramai penutur, lakuan tutur ini dinilai sebagai lakuan tutur yang pelik, walaupun tidak dipandang sebagai sesuatu yang tabu dalam budaya etnik Minangkabau. Hal ini dapat dibuktikan dengan amalan semasa etnik Minangkabau yang boleh membezakan menolak kepada perilaku yang santun, lazim, ataupun tidak santun.

Realiti bertutur generasi muda Minangkabau menunjukkan bahawa penggunaan strategi belum boleh menjamin kejayaan sesuatu peristiwa tutur, kerana kesantunan bagi etnik Minangkabau tidak hanya ditentukan oleh strategi, malah ditentukan juga oleh kesantunan asas yang sudah sebatikan dengan kehidupan etnik Minangkabau. Realiti ini sejalan dengan pernyataan Asmah Haji Omar (2000, hlm.92) yang menegaskan bahawa kesopanan bukan strategi semata-mata, tetapi yang lebih asas daripada itu ialah kesopanan merupakan ciri budaya. Ini bererti bahawa lakuan tutur menolak rapat dengan faktor budaya, sebagaimana dapat disemak melalui contoh berikut.

1. PT47(130) : Tasarahlah! Aden jadi mentimun bungkuak selah (terserahlah, saya menjadi mentimun bungkuak sahajalah).
2. PT76(195) : Mo kasih, Pak. Alun lai pak, awak jo kawan-kawan Pak. (Terima kasih Pak. Belum lagi Pak, saya dengan kawan-kawan pak)

Kedua-dua lakuan tutur di atas diterima secara berbeza oleh generasi muda Minangkabau. Lakuan tutur menolak PT47(130) dilakukan dengan strategi merendahkan hati dan lakuan tutur menolak PT76(195) dilakukan dengan strategi berterima kasih. Meskipun kedua-dua lakuan tutur tersebut menggunakan strategi yang santun (sebagaimana dinyatakan Noriati A. Rasyid2005), namun penilaian terhadap kedua-dua lakuan tutur itu tidaklah sama. Lakuan tutur menolak PT47(130) dinilai sebagai lakuan tutur yang lazim, sedangkan lakuan tutur menolak PT76(195) dinilai santun. Perbezaan penilaian itu lebih disebabkan oleh konteks budaya, yang wujud melalui penggunaan KGND atau pun penggunaan sapaan.

Dapatan juga menunjukkan bahawa faktor sosial penutur sangat berperanan dalam pemilihan strategi menolak rakan, utamanya golongan usia dan jantina. Kedua-dua faktor itu memberikan variasi yang bererti dalam pemilihan strategi menolak dalam kalangan etnik Minangkabau moden yang dapat disemak melalui Jadual 2.

Jadual 2 memperlihatkan bahawa secara umum, generasi muda Minangkabau cenderung memilih strategi (1) menggunakan perkataan nafi, (2) menggunakan penanda khas menolak, (3) mempertanyakan pernyataan lawan tutur, (4) menggunakan perkataan bertentangan, dan (5) menggunakan tuturan bermodus perintah dalam menolak rakan. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umum generasi muda Minangkabau cenderung menggunakan strategi menolak yang lebih langsung. Penyebutan 'kecenderungan' di sini didasarkan kepada lima jumlah terbanyak yang diperoleh daripada kekerapan penggunaan strategi menolak dalam 147 lakuan tutur menolak. Kelima-lima kecenderungan tersebut digelapkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Strategi tuturan menolak rakan generasi muda etnik Minangkabau moden berdasarkan jantina

No.	Strategi	Perempuan (%)	Lelaki	Jumlah
1.	<b>Menggunakan Perkataan Nafi</b>	<b>6</b>	<b>11</b>	<b>17(11.56)</b>
2.	Memberikan Alasan	2	4	6(4.08)
3.	<b>Mempertanyakan Pernyataan Lawan Tutur</b>	<b>10</b>	<b>7</b>	<b>17(11.56)</b>
4.	<b>Menggunakan Penanda Khas</b>	<b>12</b>	<b>5</b>	<b>17(11.56)</b>
5.	Memberikan Maklumat	2	6	8(5.44)
6.	<b>Menggunakan Tuturan bermodus Perintah</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>13(8.84)</b>
7.	Menerima tetapi Bersyarat	4	5	9(6.12)
8.	<b>Menggunakan Perkataan Bertentangan</b>	<b>7</b>	<b>9</b>	<b>16(10.88)</b>
9.	Menunda	7	3	10(6.80)
10.	Berterima Kasih	1	0	1(0.68)
11.	Menggunakan Tuturan Beralternatif	1	0	1(0.68)
12.	Menggunakan Kinesik	2	5	7(4.76)
13.	Merendah Hati	0	3	3(2.04)
14.	Meminta Persetujuan	2	2	4(2.72)
15.	Meminta Maaf	0	1	1(0.68)
16.	Menggunakan Tuturan Pengandaian	2	1	3(2.04)
17.	Menggunakan Ikon	3	0	3(2.04)
18.	Menyandarkan Alasan kepada Pihak Lain	2	1	3(2.04)
19.	Menggunakan Perkataan Meragui	0	1	1(0.68)
20.	Bergurau	3	0	3(2.04)
21.	Menggunakan Kiasan	1	0	1(0.68)
22.	Menerima tanpa kepastian	0	1	0
23.	Bercerita	0	0	0
24.	Menggunakan Rumusan Saran	1	1	2(1.36)
<b>Jumlah</b>		<b>75</b>	<b>72</b>	<b>147(100.00)</b>

Berdasarkan Jadual 2, maka dapat disebutkan bahawa terdapat perbezaan kecenderungan antara penutur lelaki dengan perempuan dalam memilih strategi tuturan menolak rakan. Lelaki cenderung menggunakan strategi (1) menggunakan perkataan nafi, (2) perkataan yang bertentangan, (3) mempertanyakan pernyataan lawan tutur, (4) memberikan maklumat, dan (5) modus perintah, sedang perempuan cenderung menggunakan (1) penanda khas penolakan, (2) mempertanyakan lawan tutur, (3) modus perintah, menunda, (4) perkataan yang bertentangan, dan (5) perkataan nafi. Perbezaan kecenderungan lelaki dan perempuan tersebut dapat dilihat melalui bentuk tuturan menolak yang digunakan oleh generasi muda etnik Minangkabau moden, sebagaimana dapat disemak pada Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Bentuk tuturan menolak generasi muda etnik Minangkabau moden

Kecenderungan	Lelaki	Perempuan
1.	PT6(17): Tak ado marokok-rokok doh.	PT4(14): Ah, 3R tak best.
2.	PT29(78): Kana di den tu, banyak nan lain le mah.	PT7(19): Mana? Di tengah panas itu? Siapa yang kedinginan memang?
3.	PT39(107): Awak sia?	PT104(250): He...he.. yang pelit itu lu. Mending beli aja deh!
4.	Pt126(292): Helm ciek nyo.	PT26(73): Onde...mati denai. Bisuak-bisuak lah. Kalau untuang ndak ado lo tugas baru. Kalau apo aden <i>call</i> yo.
5	PT126(293): Ei, lamo ma. Jo angkot se lah ang pai!	PT7(20): Gila kali. Dakek itu selah lai bataduah.

Apabila dibandingkan dengan strategi kesantunan yang digunakan oleh masyarakat Melayu, sebagaimana dikemukakan oleh Noriati A. Rasyid (2005), maka dapat diketahui bahawa tiga daripada enam strategi kesantunan yang dikongsi bersama sebagai bahagian bangsa Melayu dan yang sememangnya juga menjadi amalan etnik Minangkabau moden secara kolektif, hampir tidak digunakan lagi oleh golongan muda dalam lakuan tutur menolak rakan, iaitu berterima kasih, meminta maaf, dan menerima tetapi tidak ada kepastian. Ketiga-tiga strategi itu pada asasnya tergolong dalam kumpulan strategi santun, sama ada dalam skala kesantunan pragmatik Leech (1983) ataupun konsep kesantunan Melayu. Hasil perbandingan penggunaan strategi kesantunan Melayu antara perempuan dengan lelaki dapat dilihat pada Jadual 4.

Berdasarkan Jadual 4 dapat ditegaskan bahawa kecenderungan antara perempuan dengan lelaki generasi muda Minangkabau dalam menolak rakan sangat berbeza. Perempuan tidak menjadikan tiga daripada enam strategi menjadi amalannya, iaitu (1) merendahkan hati, (2) meminta maaf, dan (3) menerima tetapi tiada pasti, sedangkan lelaki hanya tidak menggunakan satu strategi, iaitu berterima kasih. Kecenderungan ini memperlihatkan bahawa perubahan lakuan tutur dalam kalangan generasi muda lebih wujud pada perempuan berbanding dengan lelaki. Dapatan ini mengisyaratkan bahawa upaya pemeliharaan dan pemertahanan kesantunan Melayu lebih berlaku dalam kalangan lelaki berbanding dengan perempuan generasi muda Minangkabau moden.

Jadual 4: Strategi kesantunan generasi muda Minangkabau berdasarkan jantina  
(Analisis strategi menurut konsep kesantunan Melayu)

Strategi Kesantunan Melayu Noriati A. Rasyid (2005)	Strategi Menolak	Generasi Muda	
		Perempuan	Lelaki
Merendah diri	Merendahkan hati	0	3
Maaf	Meminta maaf	0	1
Terima kasih	Berterima kasih	1	0
Alasan	Memberikan alasan / penjelasan	2	4
Rujukan sumber	Menyandarkan alasan kepada pihak lain	2	1
Ungkapan Rabbani	Menerima tetapi tiada pasti	0	1
	<b>Jumlah</b>	<b>5 (3.40%)</b>	<b>10(6.80%)</b>

### Lakuan Tutur Menolak Sebagai Bukti Wujud Budaya Popular

Berdasarkan huraian di atas, dapat ditegaskan bahawa generasi muda Minangkabau moden bukanlah kumpulan yang ekabahasawan tetapi dwibahasawan, iaitu penutur yang menggunakan dua atau lebih bahasa (Romaine, 2000, hlm.55). Generasi muda Minangkabau moden cenderung mencampurkan dan mengalihkan kod dalam bertutur, mencakupi bahasa Minangkabau, bahasa Indonesia, dialek Betawi, dan bahasa Inggeris, sama ada dalam unsur leksikon mahupun unsur sintaksis. Bahkan, dalam peristiwa tutur tertentu bahasa Minangkabau nyaris tak terdengar dituturkan. Sebagai ilustrasi, berikut dapat disemak sebuah peristiwa tutur (PT4) antara dua orang perempuan rakan sebaya dan seorang lelaki yang berlangsung di sebuah kedai gambar di pusat beli-belah.

PT4

P1 : Nyuci foto memang 5R

P2(11) : Wah kegedean tuh. Muka gue lagi jerawat. Tak OK lah.

L1 : Bisa diedit lai, diak.

P1 : Kan?

P2(12) : Tapi kan tak nature lagi. 7

P1 : Yang penting sip kan?

P2 (13): Sip? ok sih, doku juga ok kan? 3R je.

P1(14) : Ah, 3R tak best.

Lakuan tutur di atas menunjukkan bahawa kod bahasa yang dominan yang digunakan oleh generasi muda Minangkabau ialah bahasa Indonesia dialek Betawi (*kegedean, gue, doku, sih, je*). Selain bahasa Indonesia dialek Betawi, kata bahasa Inggeris juga sering digunakan oleh generasi muda Minangkabau moden, sebagaimana dapat dilihat pada lakuan menolak PT4 di atas, seperti: perkataan *ok, nature*, dan *best*. Penggunaan yang demikian pada asasnya berkait rapat dengan impak dan kesan budaya dominan, sebagaimana yang ditegaskan oleh Andersen dan Taylor (2005, hlm.48) bahawa “*The dominant culture is the cultural of the most powerful group in society*”. Fenomenon ini

mengisyaratkan bahawa budaya yang mempengaruhi kehidupan sosial generasi muda Minangkabau kini ialah budaya Betawi dan budaya Barat.

Keterlibatan kedua-dua budaya itu pada hakikatnya berkait rapat dengan peranan bahasa sebagai media yang memungkinkan budaya itu boleh berkembang dan wujud daripada peranan bahasa sebagai salah satu komponen budaya. Dapatan ini didukung oleh pandangan Andersen dan Taylor (2005, hlm.53) yang menegaskan bahawa "*Mass media are the channels of communication available to wide segments of the population - the print, film, and electronic media (radio and television), and increasingly, the internet.*"

Impak dan kesan penyebaran budaya Betawi dalam proses globalisasi budaya terhadap budaya Minangkabau dapat dilihat pada media massa Indonesia yang wujud kini, seperti tampak pada sinetron-sinetron Indonesia, dunia iklan, ataupun dalam tayangan televisyen lainnya. Swasono (2006) menyebut fenomena bertutur yang serupa itu sebagai 'bahasa gaul' dan mengkategorikannya sebagai salah satu variasi budaya popular. Begitu juga dengan kesan penyebaran budaya Barat dalam proses globalisasi budaya terhadap budaya Melayu juga amat mempengaruhi golongan muda.

Dapatan di atas disokong oleh pandangan Tanudjaja (2007, hlm.99) yang menyebutkan bahawa budaya populer sekarang berkembang dengan pesat dan menumbuhkembangkan determinasi popular budaya massa yang susah dikawal. Tanudjaja (2007, hlm.99) juga menambahkan bahawa secara sederhana, budaya popular dihasilkan melalui teknik-teknik industrial produksi massa. Pandangan ini mengisyaratkan bahawa media massa telah menjadi hal utama bagi arus komunikasi dan informasi di dalam mahupun di antara masyarakat-masyarakat moden yang mengakibatkan budaya popular semakin mewarnai kehidupan sehari-hari, termasuk kehidupan berbahasa.

Selain itu, fenomena generasi muda yang cenderung memilih strategi yang lebih langsung dan kurang mengamalkan nilai-nilai kesantunan, serta mencerminkan lakuan tutur yang meninggalkan nilai luhur budaya Minangkabau juga merupakan bukti wujudnya budaya popular. Fenomenon ini selari dengan konsep budaya popular sebagai budaya yang berasal daripada massa, yang cenderung melawan sebuah kemapanan atau keluhuran nilai tradisi.

Kecenderungan lakuan menolak perempuan generasi muda Minangkabau, iaitu lebih cenderung menggunakan KGND serapan dan KGND yang bersifat maskulin, cenderung mencampur dan mengalih kod, serta memilih strategi lakuan tutur menolak yang tidak mencerminkan nilai leluhur Minangkabau, menunjukkan bahawa perempuan lebih terdedah kepada budaya dominan. Fenomenon ini mengisyaratkan bahawa perubahan nilai budaya Minangkabau lebih leluasa berlaku dalam kalangan perempuan dan wujud daripada orientasi budaya popular. Dapatan ini selari dengan pandangan Budiman (2000: hlm.8) yang menyebutkan bahawa budaya popular menempatkan perempuan sebagai objek dan juga sebagai pelaku. Dengan kata lain, dalam budaya popular boleh tampak cara perempuan direpresentasikan dan cara mereka semestinya bersikap terhadap budaya popular itu. Dengan kata lain, lakuan tutur generasi muda Minangkabau moden merupakan salah satu lakuan yang wujud daripada budaya popular.

## Kesimpulan

Bahasa dan budaya sememangnya merupakan dua aspek yang tidak dapat dipisahkan. Ibarat dua sisi mata wang, bahasa boleh mencerminkan budaya dan budaya boleh memperlihatkan bahasa. Budaya dominan yang sedang berkembang merentas seluruh pelosok dunia, termasuk kawasan tinggal etnik Minangkabau, mempengaruhi amalan generasi muda Minangkabau yang sedia wujud dan didedahkan melalui perilaku sosial, termasuk lakuan tutur menolak. Dalam konteks inilah, lakuan tutur menolak generasi muda Minangkabau turut boleh mencerminkan budaya popular kini.

## Rujukan

- Andersen, M. L., & Taylor, H. F. (2005). *Sociology: The essentials*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Anwar, Khaidir. (1995). *Beberapa aspek sosio-kultural masalah bahasa*. Yogyakarta: UGM.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana perbincangan, perbahasan, dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auer, P. (ed.). (1998). *Code swithching in conversation: Language, interaction, and identity*. London: Rutledge.
- Ayub, Asni. (1993). *Tata bahasa Minangkabau*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Aziz, E. Aminuddin. (2006). Aspek-aspek budaya yang terlupakan dalam praktek pengajaran bahasa asing. (Atas Talian). Telah dimuat turun 17 Mac, 2006, dari <http://www.ialf.edu/kipbipa/papers/EAminuddinAziz.doc>.
- Bennett, A. (2005). *Culture and everyday life*. London: Sage Publications.
- Budiman, Maneke. (2000). *Budaya popular sebagai perlawanan perempuan: Perempuan dan budaya pop*. Jakarta: Yayasan Jurnal Perempuan.
- Fiske, J. (1994). The popular economy. Dlm. John Storey (ed.). *Cultural theory and popular culture: A reader* (pp. 564-580). Wheatsheaf: Harvester
- Gumperz, J. (1982). *Discourse strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hymes, D. (1972). Models of the interaction of language and social life. Dlm. J.J. Gumperz dan D. Hymes (ed). *Directions in sociolinguistics: the ethnography of*

- communication*. (pp. 35-71). NY: Holt, Rinehart & Winston.
- Hymes, D. (1974). *Foundations in sociolinguistics: An ethnography approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Idris Aman. (2001). *Wacana dan kepemimpinan: Satu analisis terhadap perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepemimpinan: Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman & Rosniah Mustaffa. (2009). Social variation of Malay language in Kuching, Sarawak, Malaysia: A study on accent, identity and integration. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 9(1), 63-76.
- Kamus besar bahasa Indonesia*. (1994). Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Kasih, Media Sandra. (2004). *Kata sapaan bahasa Minangkabau: Cerminan adat dan sistem sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- Manaf, Ngusman Abdul. (2005). *Realisasi kesantunan direktif di dalam bahasa Indonesia di kalangan etnik Minangkabau di Padang*. Tesis Ph.D. Program Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia.
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1994). *Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: satu analisis semantik dan pragmatik*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriati A. Rasyid. (2005). Konsep kesantunan dalam masyarakat Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 3(1), 12-128.
- Piliang, Yasraf Amir. (2006). Islam dalam imajinasi populer: Kontradiksi kultural dalam kehidupan keberagaman. *Kertas Kerja Kongres Kebudayaan dan Apresiasi Seni Budaya Minangkabau di Padang*, Sumatera Barat, Indonesia. 29-30 November.
- Rahardi, Kunjtana. (2005). *Pragmatik: Kesantunan imperatif bahasa Indonesia*. Jakarta: Erlangga.
- Revita, Ike (2007). *Permintaan dan penolakan dalam bahasa Minangkabau (Sebuah Tinjauan Sosiopragmatik)*. Tesis Ph.D. Program Pascasarjana, Universitas Gajah Mada, Indonesia.



- Romaine, S. (2000). *Language in society: An introduction to sociolinguistics*. New York: Oxford University Press.
- Saville-Troike, M. (1989). *The ethnography of communication: An introduction*. Oxford: Blackwell Ltd.
- Sjafnir. (2006). *Sirih pinang adat Minangkabau: Pengetahuan adat Minangkabau tematis*. Padang: Sentra Budaya.
- Swasono, Meutia Hatta. (2006). Islam dan budaya populer. *Kertas Kerja Kongres Kebudayaan dan apresiasi Seni Budaya Minangkabau di Padang*, Sumatera Barat, Indonesia, 29-30 November.
- Tanudjaja, Bing Boedjo. (2007). Pengaruh media komunikasi massa terhadap popular culture dalam kajian budaya/ cultural studies. *Nirmana*, 9(2): 96-106.
- Triana, Hetti Waluati (2001). *Kesantunan ujaran direktif di kalangan dwibahasawan Minangkabau-Indonesia: Tinjauan sosiopragmatik terhadap tindak ujar aktivis IAIN Imam Bonjol Padang*. Tesis Sarjana. Indonesia: Pendidikan Bahasa, Program Pascasarjana Universitas Negeri Padang.
- Valdes, G. (1981). Code switching as deliberate verbal strategy: A microanalysis of direct and indirect requests among bilingual Chicano speakers. In. Duran R. (ed.). *Latino language and communicative behaviour* (pp.95-107). Norwood: N. J. Ablex.
- Wardhana, Dian Eka Candra. (2007). Modus tindakirektif penutur Jawa pendatang dalam komunikasi multietnik di Bengkulu. *Wacana: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 10(2): 126-140.
- Wardhaugh, R. (1986). *An introduction to sociolinguistics*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Winford, D. (2003). *An introduction to contact linguistics*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami pertuturan kanak-kanak melalui analisis pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zamzami. (2007). *Kajian sosiopragmatik*. Yogyakarta: Cipta Pustaka.

### **Penulis**

Hetti Waluati Triana ialah calon Ph.D (Linguistik) di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan pensyarah di Fakultas Ilmu Budaya Adab IAIN Imam Bonjol, Padang, Indonesia.

Idris Aman (Ph.D) pensyarah linguistik, di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah analisis wacana dan sosiolinguistik.